

MASALAH HUTANG

■ **Suspek kes empat beranak dibunuh sebelum dibakar kena tangkap**

Fuad Hadinata Yaacob
hadinata@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Masalah hutang dipercayai menjadi punca seorang lelaki bertindak khianat terhadap sebuah keluarga sehingga menyebabkan empat individu maut dalam kebakaran sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langat Rabu lalu.

Lelaki berusia 38 tahun yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) cacat pendengaran dan pertuturan itu ditahan di sebuah rumah kedai di Taman Pusat Kepong, Kuala Lumpur, jam 1 pagi semalam oleh sepa-

sukan anggota Bahagian Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor.

Malah sebelum kebakaran itu berlaku, tercetus pertelingkahan antara lelaki itu

dengan keluarga berkenaan.

Ketua Polis Selangor Datuk Mazlan Mansor berkata, siasatan mendapati lelaki berkenaan adalah teman lelaki anak bongsu mangsa berusia 30 tahun yang juga OKU cacat pendengaran dan pertuturan.

Beliau berkata, suspek yang bekerja di sebuah kilang perabot di Kepong tidak mempunyai rekod jenayah.

“Siasatan mendapati suspek adalah teman lelaki anak bongsu mangsa dan dipercayai dia bertindak sendiri dalam kejadian ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Daerah Kuala Selangor di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)



LAPORAN Harian Metro 14 Disember lalu.

Kuala Selangor semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah IPD Kuala Selangor Deputy Superintendan Mohd Asri Abdul Wahab memangku jawatan Ketua Polis Daerah menggantikan Superintendan Ruslan Abdullah yang bersara.

Mengulas lanjut kejadian

itu, Mazlan berkata, masalah kewangan dipercayai menjadi punca kejadian itu.

“Kita percaya suspek mempunyai hutang sehingga mendorongnya melakukan perbuatan khianat itu.

“Selepas kejadian itu, suspek mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta di Lembah Klang.

“Suspek direman tujuh

hari mulai semalam hingga Khamis depan dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” katanya.

Mazlan berkata, dengan penahanan suspek, pihaknya percaya kes itu dapat diselesaikan.

Mengenai laporan bedah siasat mangsa, Mazlan berkata, pihaknya masih menunggu laporan rasmi daripada Hospital Banting.

Dalam kejadian jam 6.30 pagi Rabu lalu, dua warga emas dan dua kanak-kanak maut dalam kebakaran.

Mangsa ialah Lim Mai Shak, 68, Chia Tee Nang, 73, dan dua cucu mereka, Chia Yuan Bin dan Ryan Chia Zeng Xi masing-masing berusia tiga dan 10 tahun.

Seorang cucu mangsa berusia 12 tahun yang juga abang kepada Ryan Chia terselamat kerana menyorok di dalam bilik air sebelum meloloskan diri ke luar rumah.